

ZOVIRAX[®] OPHTHALMIC OINTMENT

Acyclovir (3% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZOVIRAX
2. Bagaimana ZOVIRAX berfungsi
3. Sebelum mengambil ZOVIRAX
4. Cara menggunakan ZOVIRAX
5. Semasa menggunakan ZOVIRAX
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZOVIRAX
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan ZOVIRAX

Ia digunakan untuk merawat jangkitan mata disebabkan oleh virus Herpes simplex.

Bagaimana ZOVIRAX berfungsi

Salap Zovirax Oftalmik mengandungi ubat yang dipanggil aciclovir. Ini tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil antiviral. Ia berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan virus di hadapan biji mata anda (kornea).

Sebelum mengambil ZOVIRAX

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan Zovirax jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada aciclovir atau mana-mana bahan-bahan lain.

- Sebelum mula mengambil

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Zovirax jika:

- anda memakai kanta lekap. Hentikan penggunaan semasa menggunakan Zovirax.

Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Zovirax.

Kehamilan dan menyusukan bayi

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan ubat-ubatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubatan herba.

Cara menggunakan ZOVIRAX

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa gunakan Zovirax seperti mana yang telah diberitahu doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Dewasa dan kanak-kanak

- Dos yang biasa ialah 10 mm (kira-kira setengah inci) reben Zovirax digunakan pada mata yang dijangkiti lima kali sehari. Anda perlu menjarakkan setiap penggunaan Zovirax selama empat jam. Waktu yang dicadangkan adalah: 7 pagi, 11 pagi, 3 petang, 7 malam dan 11 malam.
- Anda perlu meneruskan penggunaan Zovirax untuk sekurang-kurangnya 3 hari selepas keadaan mata anda menjadi lebih baik.


Bagaimana untuk menggunakan Zovirax pada mata anda

1. Basuh tangan anda.
2. Gunakan jari anda dan perlahan-lahan tarik kelopak mata yang dijangkiti ke bawah.




3. Dongakkan kepala sedikit ke belakang dan lihat ke atas.

4. Kenakan 1 cm (kira-kira setengah inci) Zovirax ke bahagian dalam kelopak mata anda. Elakkan bahagian atas tiub daripada menyentuh mana-mana bahagian mata anda.



5. Tutup mata anda selama 30 saat.



6. Basuh tangan anda selepas menggunakan Zovirax.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Zovirax selama mana yang doktor anda cadangkan. Rawatan perlu diteruskan selama sekurang-kurangnya 3 hari selepas proses penyembuhan.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan Zovirax, gunakannya sebaik sahaja anda ingat. Walau bagaimanapun, jika ia hampir masa untuk penggunaan seterusnya, abaikan penggunaan yang tertinggal itu.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan penggunaan yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan terlalu banyak Zovirax. Salap Zovirax Oftalmik adalah untuk kegunaan mata, jika anda tertelan apa-apa, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan ZOVIRAX

- Perkara yang perlu dilakukan

Semak dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat anda dan ambil seperti yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah ditetapkan untuk anda. Jangan serahkan kepada orang lain. Ini boleh memudaratkan mereka, walaupun simptom mereka adalah sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan daripada memakai kanta lekap semasa menggunakan Zovirax.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Zovirax boleh menyebabkan kesan sampingan, tetapi bukan semua orang mendapatnya. Kesan-kesan sampingan yang berikut boleh berlaku dengan ubat ini:

Reaksi alahan (memberi kesan kurang daripada 1 dari 10,000 orang)

Jika anda mempunyai reaksi alahan, berhenti mengambil Zovirax dan berjumpa doktor dengan segera. Tanda-tanda mungkin termasuk:

- ruam, gatal-gatal atau gatal-gatal pada kulit anda
- bengkak muka, bibir, lidah atau bahagian-bahagian lain badan anda
- sesak nafas, semput atau masalah pernafasan

- demam tinggi tiba-tiba (suhu tinggi) dan rasa hendak pitam, terutama apabila berdiri.

Kesan sampingan yang lain termasuk: *Sangat biasa* (memberi kesan kepada lebih daripada 1 dari 10 orang)

- kerengsaan atau keradangan kornea, rasa seolah-olah terdapat sesuatu di dalam mata anda.

Biasa (memberi kesan kurang daripada 1 dari 10 orang)

- rasa sedikit pedih di mata anda sejurus selepas menggunakan Zovirax
- bengkak, mata berair (konjunktivitis)

Jarang (Kesan kurang daripada 1 dari 1000 orang)

- kelopak mata bengkak.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers Reporting) →

Cara penyimpanan dan pelupusan ZOVIRAX

- Penyimpanan

Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 25 °C.

Pastikan tiub ditutup ketat apabila anda tidak menggunakan Zovirax.

Jangan gunakan Zovirax jika ia telah lebih daripada satu bulan sejak tiub mula dibuka.

Jangan gunakan Zovirax selepas tarikh luput seperti yang dinyatakan di kotak dan tiub. Tarikh luput (EXP) merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap lut cahaya hampir keputihan yang mengandungi 3% w / w aciclovir dalam asas parafin lembut yang steril dan kontang. Tiub dengan muncung dan penutup berskru. Saiz pek: 4.5 g.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

3% w/w aciclovir

- Bahan tidak aktif

White petrolatum

- Nombor MAL

MAL05072013ACZ

Pengilang

Jubilant Hollisterstier General Partnership
16751 Trans-Canada Highway,
Kirkland, H9H 4J4, Quebec,
Canada

Pemegang Pendaftaran Produk

GlaxoSmithKline Pharmaceutical Sdn. Bhd.

Level 6, Quill 9,
112 Jalan Semangat,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

4 Februari 2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)251115/00456